



Berita UniMAP

UniMAP Lancar Bantuan Kemanusiaan Bencana

KANGAR 8 Oktober - Atas dasar prihatin dan kemanusiaan, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) melancarkan Tabung Bantuan Kemanusiaan Bencana bagi membantu mangsa gempa bumi di Sumatera Barat. Pelancaran tabung itu merupakan saranan Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin kepada semua institusi pengajian tinggi di seluruh negara untuk membantu meringankan beban mangsa gempa bumi.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, hasil kutipan tabung tersebut akan disalurkan terus kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk dihantar kepada mangsa gempa bumi.

"Kita telah mengadakan kutipan derma di setiap pusat pentadbiran, pusat pengajian dan juga sektor korporat yang mempunyai hubungan rapat dengan UniMAP. Kutipan yang bermula semalam, diharapkan mampu mengumpul sebanyak RM10,000 dalam tempoh seminggu," katanya ketika pada Sambutan Aidilfitri 1Malaysia Beraya @ UniMAP di sini, semalam.



Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Tuan Jafperi Othman, wakil Menteri Besar Perlis. Kira-kira 5,000 kakitangan dan penduduk setempat menghadiri sambutan yang menjadi acara tradisi UniMAP sejak lima tahun lalu.

Katanya lagi, sumbangan ikhlas dari pihak UniMAP dan masyarakat setempat menunjukkan bahawa rakyat Malaysia amat bersimpati dengan nasib yang menimpa sahabat dari negara jiran.